



KEMENTERIAN PENDIDIKAN
INSTITUT PENDIDIKAN GURU MALAYSIA

Institut Pendidikan Guru Malaysia, Kementerian Pendidikan Malaysia (IPGM, KPM) dengan ini mempelawa calon-calon Warganegara Malaysia berstatus Pegawai Perkhidmatan Pendidikan (PPP) gred jawatan DG sahaja, lantikan Suruhajaya Perkhidmatan Pendidikan (SPP) Bumiputra/ Bukan Bumiputra (Jawatan Akademik, Jurulatih Kokurikulum, Pegawai Kaunselor & Pegawai Pengurusan) yang berkelayakan dalam bidang-bidang berkaitan untuk mengisi jawatan tetap di semua Institut Pendidikan Guru Kampus (IPGK) dan English Language Teaching Centre (ELTC). Bagi pensyarah yang berkhidmat di Sabah dan Sarawak adalah layak mendapat Elaun Perumahan Wilayah, Elaun Gangguan, Elaun Kritikal, Elaun Warden (jika dilantik sebagai warden) dan Bantuan Sara hidup (BSH). Kekosongan kritikal di Sabah dan Sarawak.

JAWATAN AKADEMIK

PENSYARAH (PEGAWAI PERKHIDMATAN PENDIDIKAN-PPP) **DG44H / 48 / 52 / 54 (KUP)**

1. Calon bagi lantikan hendaklah memiliki kelayakan seperti berikut:
 - a) Warganegara Malaysia;
 - b) Disahkan dalam perkhidmatan;
 - c) Tahap kesihatan yang baik;
 - d) Mencapai kecemerlangan perkhidmatan dengan markah Laporan Nilaian Prestasi Tahunan (LNPT/ PBPPP) sekurang-kurangnya 85% dalam tempoh tiga (3) tahun berturut-turut (2020, 2021 dan 2022);
 - e) Tidak pernah dikenakan tindakan tatatertib / surcaj;
 - f) Melaksanakan perisytiharan harta;
 - g) Bebas daripada disenaraikan sebagai Peminjam Tegar Institut Pendidikan dan tidak berada dalam keberhutangan yang serius;
 - h) Berada di Gred PPP Siswazah sekurang-kurangnya **DG44 Hakiki / KUP**;
 - i) Memiliki kelayakan akademik seperti berikut:-
 1. Ijazah Sarjana Muda atau Diploma Lanjutan dalam bidang berkaitan yang diiktiraf oleh Kerajaan daripada institusi-institusi pengajian tinggi tempatan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya serta telah berdaftar penuh dengan Lembaga Akreditasi Malaysia.

2. Ijazah Sarjana dalam bidang berkaitan yang diiktiraf oleh kerajaan daripada institusi-institusi pengajian tinggi tempatan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya;
- atau
3. Ijazah Kedoktoran (Ph.D) dalam bidang berkaitan yang diiktiraf oleh Kerajaan daripada institusi-institusi pengajian tinggi tempatan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya.
4. **Keutamaan** akan diberikan kepada calon yang memiliki kelayakan akademik yang sama atau selari dalam **Ijazah Sarjana Muda atau Diploma Lanjutan, Ijazah Sarjana dan Ph.D dalam bidang berkaitan** yang diiktiraf oleh Kerajaan daripada institusi-institusi pengajian tinggi tempatan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya.
5. Diperakukan oleh Ketua Jabatan (Diluluskan oleh **Pengarah JPN/ Bahagian dan Pengetua/ Guru Besar**).

SYARAT KELAYAKAN BAHASA MELAYU

2. Calon lantikan hendaklah memiliki Kepujian (sekurang-kurangnya Gred C) dalam subjek Bahasa Melayu pada peringkat Sijil Pelajaran Malaysia/ Sijil Vokasional Malaysia atau kelulusan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan.

JAWATAN AKADEMIK

JURULATIH KOKURIKULUM DG44H / 48 / 52 / 54(KUP)

1. Calon bagi lantikan hendaklah memiliki kelayakan seperti berikut:
 - a) Warganegara Malaysia;
 - b) Disahkan dalam perkhidmatan;
 - c) Tahap kesihatan yang baik;
 - d) Mencapai kecemerlangan perkhidmatan dengan markah Laporan Nilaian Prestasi Tahunan (LNPT/ PBPPP) sekurang-kurangnya 85% dalam tempoh tiga (3) tahun berturut-turut (2020, 2021 dan 2022);
 - e) Tidak pernah dikenakan tindakan tatatertib / surcaj;
 - f) Melaksanakan perisyntiharhan harta;
 - g) Bebas daripada disenaraikan sebagai Peminjam Tegar Institut Pendidikan dan tidak berada dalam keberhutangan yang serius;
 - h) Berada di Gred PPP Siswazah sekurang-kurangnya **DG44 Hakiki / KUP**;
 - i) Memiliki kelayakan akademik seperti berikut:-
 1. Ijazah Sarjana Muda atau Diploma Lanjutan dalam bidang berkaitan yang diiktiraf oleh Kerajaan daripada institusi-institusi pengajian tinggi tempatan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya serta telah berdaftar penuh dengan Lembaga Akreditasi Malaysia.
 2. Ijazah Sarjana dalam bidang berkaitan yang diiktiraf oleh kerajaan daripada institusi-institusi pengajian tinggi tempatan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya;
atau
 3. Ijazah Kedoktoran (Ph.D) dalam bidang berkaitan yang diiktiraf oleh Kerajaan daripada institusi-institusi pengajian tinggi tempatan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya.
 4. Keutamaan akan diberikan kepada calon yang memiliki kelayakan akademik yang sama atau selari dalam **Ijazah Sarjana Muda atau Diploma Lanjutan, Ijazah Sarjana dan Ph.D dalam bidang berkaitan** yang diiktiraf oleh Kerajaan daripada institusi-institusi pengajian tinggi tempatan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya.
 5. Diperakukan oleh Ketua Jabatan (Diluluskan oleh **Pengarah JPN/ Bahagian dan Pengetua/ Guru Besar**).

- j) Kelayakan tambahan dalam bidang Ko-Kurikulum seperti:
- Mempunyai kelayakan, pengalaman dan kepakaran dalam bidang Ko-Kurikulum.
 - Mempunyai sekurang-kurangnya **SATU (1) Sijil Kejurulatihan dan DUA (2) Sijil Kepegawaian** dalam bidang Ko-Kurikulum daripada Jabatan/ Agensi sukan yang diperaku.
 - Aktif dan banyak memberi sumbangan dalam bidang Ko-Kurikulum

JAWATAN PENGURUSAN

PEGAWAI PENGURUSAN DG41 / 42 / 44(KUP)

PEGAWAI KAUNSELING DG41 / 42 / 44(KUP)

- Calon bagi lantikan hendaklah memiliki kelayakan seperti berikut:
 - Warganegara Malaysia;
 - Disahkan dalam perkhidmatan;
 - Tahap kesihatan yang baik;
 - Mencapai kecemerlangan perkhidmatan dengan markah Laporan Nilaian Prestasi Tahunan (LNPT/ PBPPP) sekurang kurangnya 85% dalam tempoh tiga (3) tahun berturut-turut (2020, 2021 dan 2022);
 - Tidak pernah dikenakan tindakan tatatertib / surcaj;
 - Telah melaksanakan perisytiharan harta;
 - Perakuan daripada Ketua Jabatan dan pemohon bebas daripada disenaraikan sebagai Peminjam Tegar Institusi Pendidikan dan tidak berada dalam keberhutangan yang serius;
 - Berada di Gred PPP Siswazah sekurang-kurangnya DG41 Hakiki /42/ 44 KUP;
 - Memiliki kelayakan akademik seperti berikut:-
 - Ijazah Sarjana Muda atau Diploma Lanjutan dalam bidang berkaitan yang diiktiraf oleh Kerajaan daripada institusi-institusi pengajian tinggi tempatan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya serta telah berdaftar penuh dengan Lembaga Akreditasi Malaysia.
 - Keutamaan akan diberikan kepada calon yang memiliki kelayakan akademik yang sama atau selari dalam **Ijazah Sarjana Muda atau Diploma Lanjutan, Ijazah Sarjana dan Ph.D** dalam bidang berkaitan yang diiktiraf oleh Kerajaan daripada institusi-institusi pengajian tinggi tempatan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya.

PROSEDUR PERMOHONAN

Pemohon dikehendaki mengisi borang permohonan di laman sesawang berikut:

<https://mypdpp.moe.gov.my/myMOHON>

1. Sila sertakan semua Salinan dokumen/ sijil (Perlu disahkan oleh Pegawai dari Kumpulan Pengurusan dan Profesional - Kumpulan A) seperti berikut:
 - a) Resume terkini
 - b) Kad Pengenalan;
 - c) Salinan Buku Perkhidmatan Kerajaan yang telah dikemaskini;
 - d) Sijil-sijil Akademik (SPM/ STPM/ Ijazah Sarjana Muda/ Sarjana/ PhD);
 - e) Sijil-sijil Ko-kurikulum/ Penglibatan NGO;
 - f) Sijil Kelayakan Profesional (sekiranya ada);
 - g) Testimonial/ Pengesahan Kerja daripada majikan;
2. Seorang pemohon hanya boleh memohon untuk **SATU JAWATAN** yang diiklankan dan **HANYA** boleh memohon di **SATU (1) INSTITUT PENDIDIKAN GURU (IPG)** sahaja.
3. Calon yang berjaya ditempatkan di IPG perlu berkhidmat sekurang-kurangnya tiga (3) tahun sebelum boleh memohon ke mana-mana Bahagian atau agensi awam atau swasta.
4. Calon yang mempunyai Ijazah Kedoktoran (Ph.D) adalah sangat dialu-alukan memohon.
5. Calon perlu mencetak borang permohonan dari **sistem myMohon** dan **wajib** mendapat **sokongan serta ulasan dari Ketua Jabatan** masing-masing. Calon perlu **mendapat kelulusan atau pelepasan dan ulasan daripada Pengarah Bahagian/ JPN** seperti dalam ruangan kelulusan Ketua Jabatan dan Pengarah Bahagian/ JPN sebelum menghantar borang ke IPGK yang dipilih. Borang permohonan yang telah lengkap dan mendapat kelulusan **daripada Pengarah Bahagian/ JPN** perlu dihantar ke IPGK yang berkenaan untuk diproses. Permohonan yang **tidak lengkap** tidak akan diproses.
6. Tarikh tutup permohonan adalah pada **27 NOVEMBER 2023, 11.59 Malam (Isnin)**
7. Urusan temu duga:

Calon yang disenarai pendek sahaja akan dipanggil untuk temu duga. Proses temuduga secara bersemuka akan dilaksanakan di IPG Kampus yang dimohon. Permohonan dianggap tidak berjaya sekiranya tidak menerima sebarang maklum balas dalam masa **enam (6) bulan** dari tarikh tutup iklan.
8. **Permohonan yang tidak lengkap atau tidak mematuhi kriteria yang ditetapkan atau tidak dikemukakan melalui KETUA JABATAN/ BAHAGIAN akan ditolak oleh Bahagian ini dan tidak akan diproses.**
9. **Sila hubungi IPGK/ELTC berkenaan sekiranya ada sebarang pertanyaan berkaitan dengan permohonan.**

PERINGATAN

Pemohon yang didapati memberi maklumat salah/tidak benar/manipulasi maklumat dalam borang permohonan akan diambil tindakan dengan membatalkan penempatan dan dikenakan tindakan undang-undang di bawah Kanun Keseksaan [Akta 574]. Maklumat permohonan ini akan disemak secara terperinci pada hari temuduga.

GARIS MASA PENGAMBILAN PENSYARAH, JURULATIH KOKURIKULUM DAN PEGAWAI PENGURUSAN

PERKARA	TARIKH
Permohonan dibuka secara online	10 Nov 2023
Permohonan ditutup	27 Nov 2023
Penyelarasian Dan Semakan Dokumen Oleh IPGK Terlibat	29 Nov - 15 Dis 2023
Pelaksanaan Temuduga Di IPGK	8 - 22 Jan 2024
Penerimaan nama calon yang telah diperaku oleh Panel temuduga kepada IPGM	23 - 31 Jan 2024
Semakan Calon Dan Dokumen Yang Diperaku Peringkat IPGM	5 - 12 Feb 2024
Angkat Nama Calon Diperaku Layak Ke Bpsm	14 Feb 2024
Arahan Penempatan Mula Dikeluarkan	Mulai 14 Mac 2024